

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan bentuk bantuan berseghmen yang disediakan oleh Kementerian untuk golongan agropreneur dan nelayan di Sabah dan bagaimanakah bantuan tersebut dapat menjamin kelestarian aktiviti pertanian serta penangkapan ikan mereka yang kini tidak menentu berikutan keadaan cuaca semasa, faktor logistik dan pandemik COVID-19.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan khusus untuk golongan agropreneur dan nelayan seluruh negara termasuklah di negeri Sabah bagi memastikan kelangsungan aktiviti pertanian serta penangkapan ikan. Bantuan yang disediakan oleh Kementerian melalui program/projek/subsidi/insentif adalah seperti berikut:

AGROPRENEUR

- i. Geran Agropreneur Muda berbentuk barangan (*in-kind*) sehingga RM20,000 bagi setiap projek;
- ii. Menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas Agrobank dan TEKUN Nasional sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan; dan
- iii. Menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui Jabatan/Agensi berkaitan di bawah Kementerian.

NELAYAN

- i. Insentif Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) dalam bentuk bayaran tunai sebanyak RM250 sebulan bagi meringankan beban kenaikan kos sara hidup. Mulai tahun 2021, kadar ESHN akan dinaikkan kepada RM300/bulan;
- ii. Insentif Hasil Tangkapan Ikan (IHTI) iaitu bayaran tunai sebanyak 10sen/kg kepada nelayan yang mendaratkan hasil tangkapan ikan di pelabuhan/kompleks/jeti LKIM;
- iii. Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan iaitu penjualan minyak diesel dan petrol pada harga RM1.65/liter;

NO SOALAN : 19

- iv. Projek Khas Perumahan Nelayan yang merangkumi program baik pulih dan bina baharu rumah nelayan;
- v. Program meningkatkan pendaratan ikan melalui menyelenggara dan menaiktaraf yang setakat ini melibatkan 5 buah jeti Jeti Kampung Kupang, Jeti Kampung Baru-Baru, Jeti Kampung Keramat, Jeti Kampung Muanad II dan Jeti Kampung Seri Menanti, Beluran
- vi. Program Menaiktaraf dan Penyelenggara Unjam di Semporna dan Tuaran;
- vii. Bantuan dan Dana Khas kepada Persatuan Nelayan dan Kumpulan Nelayan (KUNITA dan KUBENA); dan
- viii. Menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal.

2. Bantuan khusus untuk golongan agropreneur dan nelayan yang telah disediakan ini, antara lain dapat membantu kelestarian aktiviti pertanian serta perikanan melalui:

- i. Aktiviti penangkapan dan pendaratan ikan secara berterusan dengan sokongan Kerajaan melalui pemberian ESHN, IHTI, subsidi diesel/petrol serta projek menyelenggara dan naik taraf jeti;
- ii. Pemulihan semula kawasan pembiakan ikan sedia ada serta dapat mewujudkan habitat baru;
- iii. Pelaksanaan projek peningkatan ekonomi seperti ternakan pertanian, akuakultur, pemasaran dan pemprosesan hasil pertanian dan perikanan; dan
- iv. Peningkatan kemahiran serta produktiviti agropreneur dan nelayan melalui penggunaan teknologi mekanisasi dan automasi yang bersesuaian.

Sekian, terima kasih.